



جامعة السلطان الشريفي على الإسلامية  
UNIVERSITI ISLAM SULTAN SHARIF ALI  
SULTAN SHARIF ALI ISLAMIC UNIVERSITY

**Faculty of Shariah and Law  
Semester II, 2017/2018 Academic Session**

**Kertas Soalan Peperiksaan Akhir**

**Kod Kursus : SD 2308**

**Nama Kursus : Prosedur Jenayah Syariah**

**Peringkat Kursus : HND Sistem Keadilan Jenayah Syariah.**

**Tempoh Masa : 3 jam**

**Nota:**

Jawab enam (6) soalan berikut. **Soalan Pertama adalah soalan wajib.**

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

### **Soalan Pertama : (10 markah)**

Fuqaha memberi istilah undang-undang jenayah syariah atau undang-undang qanun jenayah syariah sebagai undang-undang syara' bersabit dengan kesalahan – kesalahan yang dilakukan oleh seseorang yang boleh didakwa dibawah kes jenayah syariah.

1. Sila berikan 3 istilah undang-undang jenayah syariah berkenaan.

### **Soalan Kedua : (10 markah)**

1. Apakah hukuman-hukuman yang ditetapkan oleh hukum syarak terhadap penjenayah yang melakukan kesalahan Jenayah Syar'iah?  
( 5 markah)
2. Sila nyatakan kesalahan-kesalahan yang boleh dikenakan hukuman hudud dan qisas.  
(5 markah)

### **Soalan Ketiga : ( 10 markah)**

Di Bawah Akta Majlis Ugama Islam Penggal 77, tidak ada di klasifikasikan berkenaan kesalahan bolehtangkap dan tidak boleh tangkap.

1. Nyatakan Bab berapa dalam akta berkenaan yang memberi kuasa Penguatkuasa ugama menahan atau menangkap tanpa waran.  
( 5 markah)
2. Sila huraiakan dengan ringkas kesimpulan kes *prima facie* dalam kes Pendakwa Syarie lawan Hajah Darul 'ain Binti Abdullah @ Hajah Darul Pemungkas.  
(5 markah)

**Soalan Keempat : ( 10 markah)**

1. Nyatakan apakah dia 'First Information Report'.  
(3 markah)
2. Apakah kepentingan 'First Information Report'.  
(3 markah)
3. Nyatakan maksud Hadith Rasullallah S.A.W berkenaan perkara ini.  
(4 markah)

**Soalan Kelima : (10 markah)**

Terangkan perbezaan prosedur tangkapan antara warganegara dan bukan warganegara dan sebutkan bab peruntukkan bagi prosedur berkenaan.

**Soalan Keenam : (10 markah)**

Sila terangkan prosedur siasatan dari awal hingga kes dihadapkan kepada Ketua Pendakwa Syarie.

**Soalan Ketujuh : (10 markah)**

Apakah dia rukun pendakwaan itu menurut Profesor Dr. Abdul Karim Zaidan, di dalam *Nizam al qadha' fi al syariah al islamiyyah* dan nyatakan faktor yang membezakan Pendakwa (*muddai'e*) dan Tertuduh (*mudda'a alaihi*).

**Soalan Kelapan : (10 markah)**

1. Sila nyatakan apakah prosedur yang terdapat dalam merangka pertuduhan ke atas tertuduh.  
(5 markah)
  
2. Apakah kesan jika terdapat lafaz pertuduhan yang cacat?.  
(5 markah)

**Soalan Kesembilan : (10 markah)**

1. Apakah prosedur mahkamah jika tertuduh tidak mengaku salah.  
( 5 markah)
  
2. Apakah hak tertuduh di sisi undang-undang ?  
(5 markah)

**Soalan Kesepuloh : ( 10 markah)**

Terangkan satu persatu dengan rujukan kepada peruntukan undang-undang siapakah dia pihak-pihak di dalam prosiding jenayah itu?

بالتوفيق والنجاح